

SOALAN NO: 31

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : KHAMIS, 9 OKTOBER 2014

RUJUKAN : L1 [PR-1323-L63623]

SOALAN :

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa banyak tapak-tapak tanah dan jumlah keluasan keseluruhannya di Kuala Lumpur yang masih dimiliki oleh DBKL dan nyatakan setiap tapak tanah yang dijual kepada pembeli swasta setiap tahun dari tahun 2011 dengan menyebut perincian setiap lokasi, keluasan, harga jualan, nama pembeli-pembeli dan tujuan pembelian dan sama ada tanah dijual secara tender terbuka, jika tidak, mengapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Cheras, penjualan tanah milik DBKL adalah terletak di bawah bidang kuasa YB Menteri Wilayah Persekutuan selaras dengan peruntukan Seksyen 101 (i)(r) Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan manakala penilaian dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan.